

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN PERANANNYA KETIKA DAN PASCA-PANDEMIK COVIC-19

NATIONAL EDUCATION PHILOSOPHY (FPK) AND ITS ROLE DURING AND AFTER THE COVID-19 PANDEMIC

Nor Faezah Ghazi Ahmad¹

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia, (Email: norfaezahga@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 12-5-2025
Revised date : 12-5-2025
Accepted date : 18-6-2025
Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Ghazi Ahmad, N. F. (2025). Falsafah pendidikan kebangsaan dan peranannya ketika dan Pasca-Pandemik Covic-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 378 - 384.

Abstrak: *Pandemik COVID-19 telah menguji ketahanan sistem pendidikan Malaysia dan relevansi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam memastikan pembangunan insan seimbang melalui pendekatan holistik (JERI). Kajian ini menganalisis peranan FPK dalam menangani cabaran pembelajaran semasa dan pasca-pandemik, termasuk jurang digital, kehilangan pembelajaran (learning loss), serta tekanan psikologi pelajar dan guru. Walaupun krisis ini mendedahkan ketidaksamaan akses teknologi (37% pelajar luar bandar tiada peranti mencukupi), FPK menjadi panduan kritikal dalam memacu transformasi pendidikan melalui inisiatif seperti DELIMa, pembelajaran hibrid, dan latihan literasi digital untuk 500,000 guru. Di sebalik cabaran, pandemik mempercepat inovasi pedagogi berteraskan nilai FPK, seperti penggunaan gamifikasi dan projek komuniti maya untuk meningkatkan motivasi pelajar serta integriti moral. Kajian ini mencadangkan strategi pasca-pandemik untuk memperkukuh FPK, termasuk pemeraksanaan infrastruktur digital di kawasan terpinggir, integrasi kemahiran abad ke-21 (literasi digital, AI) ke dalam kurikulum, dan sokongan psikososial holistik. Guru memainkan peranan yang penting sebagai pemudah cara iaitu dengan peningkatan 40% keterlibatan pelajar melalui pedagogi berasaskan teknologi. Transformasi ini menegaskan bahawa FPK bukan sekadar ideal, tetapi kerangka dinamik yang mampu menyepadukan nilai tempatan dengan tuntutan global. Kejayaan jangka panjang bergantung pada kolaborasi pelbagai pihak untuk menjamin pendidikan yang inklusif, beretika, dan resilien. Dengan komitmen ini, FPK berpotensi menjadikan Malaysia model pendidikan global mampan pasca-COVID.*

Kata Kunci: *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pandemik COVID-19*

Abstract: *The COVID-19 pandemic has tested the resilience of Malaysia's education system and the relevance of the National Education Philosophy (FPK) in ensuring balanced human development through a holistic approach (JERI - intellectual, emotional, spiritual, physical). This study analyzes the role of the FPK in addressing learning challenges during and after the*

pandemic, including the digital divide, learning loss, and the psychological stress faced by students and teachers. While the crisis exposed inequalities in access to technology (37% of rural students lacked adequate devices), the FPK served as a critical guide in driving educational transformation through initiatives such as DELIM, hybrid learning, and digital literacy training for 500,000 teachers. Despite the challenges, the pandemic accelerated pedagogy innovation grounded in FPK values, such as the use of gamification and virtual community projects to enhance student motivation and moral integrity. This study proposes post-pandemic strategies to strengthen the FPK, including empowering digital infrastructure in marginalized areas, integrating 21st-century skills (digital literacy, AI) into the curriculum, and providing holistic psychosocial support. Teachers play a vital role as facilitators, with a 40% increase in student engagement observed through technology-based pedagogy. This transformation affirms that the FPK is not merely an ideal but a dynamic framework capable of integrating local values with global demands. Long-term success depends on multi-stakeholder collaboration to ensure inclusive, ethical, and resilient education. With this commitment, the FPK has the potential to position Malaysia as a global model for sustainable post-COVID education.

Keywords: *National Education Philosophy (FPK), COVID-19 Pandemic*

Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Malaysia, yang diwujudkan sebagai teras pembentukan sistem pendidikan negara, bertujuan melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS) selaras dengan aspirasi membentuk masyarakat yang berpengetahuan, berakhlak mulia, dan bertanggungjawab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Namun, kehadiran pandemik COVID-19 pada awal tahun 2020 telah mencabar kelestarian sistem pendidikan tradisional, memaksa peralihan mendadak kepada pembelajaran dalam talian serta mendedahkan ketidaksamaan akses kepada teknologi dan sumber pendidikan (UNESCO, 2021). Krisis ini bukan sahaja menguji kesediaan infrastruktur digital negara, tetapi juga menengahkan persoalan kritikal tentang sejauh mana prinsip-prinsip FPK mampu dipertahankan dalam situasi kecemasan (Rasid et al., 2021). Ketidaksamarataan akses peranti dan internet (terutama di kawasan luar bandar/Sabah/Sarawak) mencabar prinsip "pendidikan untuk semua" dalam FPK. Kajian yang dilakukan oleh Hamza at. Al (2021) menganalisis data 500 bagi sekolah luar bandar, telah menunjukkan bahawa 62% pelajar tidak mampu beli peranti

Di sebalik cabaran tersebut, pandemik turut membuka ruang untuk transformasi pedagogi yang lebih inklusif dan kreatif. Menurut Aziz et al. (2022), krisis ini memperlihatkan kepentingan pendekatan fleksibel dalam pendidikan yang selari dengan semangat FPK, terutamanya dalam memastikan kesinambungan pembelajaran tanpa mengabaikan nilai-nilai kerohanian dan kemasyarakatan. Di samping itu, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Program Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan pemberian peranti digital kepada pelajar miskin sebagai langkah meminimumkan kesan negatif pandemik (KPM, 2021). Namun, kajian oleh Hussin et al. (2023) menunjukkan bahawa ketidakseragaman kualiti pengajaran dalam talian dan tekanan psikologi dalam kalangan pelajar masih menjadi isu utama yang perlu ditangani secara holistik.

Kini, memasuki fasa pasca-pandemik, FPK terus memainkan peranan penting sebagai panduan dalam merangka strategi pemulihan pendidikan. Aspek seperti pengukuhan pendidikan karakter, penekanan terhadap kemahiran literasi digital, dan penyesuaian kurikulum kepada keperluan masa kini menjadi fokus utama (Jamil et al., 2022). Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis peranan FPK dalam menghadapi cabaran pendidikan semasa pandemik dan pasca-pandemik, dengan meneliti sejauh mana dasar dan amalan pendidikan negara selari dengan prinsip-prinsip FPK untuk memastikan pembangunan insan yang mampan. Kajian ini diharap dapat memberi cadangan praktikal bagi mengukuhkan sistem pendidikan Malaysia dalam menghadapi krisis masa hadapan.

Kajian Literatur

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Malaysia digubal untuk membimbing sistem pendidikan negara ke arah pembangunan insan secara holistik. Diperkenalkan pada 1988, FPK menekankan pembentukan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani selaras dengan aspirasi negara serta cabaran global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Pandemik COVID-19 mengganggu sistem pendidikan tradisional di seluruh dunia, memaksa peralihan pantas kepada pembelajaran jarak jauh. Ulasan ini mengkaji bagaimana prinsip FPK disesuaikan semasa pandemik serta peranannya dalam mengekalkan ekuiti pendidikan, pembangunan moral, dan ketahanan di Malaysia.

Prinsip Teras FPK

FPK menekankan kepentingan memupuk potensi pelajar “secara menyeluruh dan bersepadu” untuk melahirkan warganegara berilmu, beretika, dan mampu menyumbang ke arah keharmonian masyarakat (Hashim & Hussien, 2018). Falsafah ini menggabungkan kecemerlangan akademik dengan pembentukan sahsiah, berakar pada konteks kepelbagaian budaya Malaysia. Sarjana seperti Rosnani (2017) berhujah bahawa fokus FPK terhadap “insan seimbang” memastikan pendidikan melangkaui hafalan, dengan memberi keutamaan kepada integriti moral dan pemikiran kritis. Ideal selari ini selari dengan kerangka pendidikan global seperti “empat tonggak pembelajaran” UNESCO (Delors et al., 1996): belajar untuk mengetahui, berbuat, hidup bersama, dan menjadi diri sendiri.

Kesan COVID-19 terhadap Pendidikan di Malaysia: Positif vs. Negatif

Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap pendidikan di Malaysia secara drastik, memberikan kesan positif dan negatif yang signifikan. Kesan yang dapat dilihat daripada skenario ini adalah terdapat jurang akses dan ketidaksaaan digital dilakngan pelajar. Pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (B40) dan kawasan luar bandar menghadapi cabaran kekurangan peranti (laptop, telefon pintar) dan sambungan internet yang stabil. Kajian yang dilakukan oleh UNICEF (2021) mendapati bahawa 37% pelajar Malaysia tidak dapat mengikuti PdPR (Pembelajaran di Rumah) secara konsisten. Manakala laporan Kementerian Pendidikan (2020) menyatakan 25% sekolah di Sabah dan Sarawak tiada capaian internet yang mencukupi. Justeru, COVID-19 telah meningkatkan kadar kes ‘putus sekolah’ dan kehilangan pembelajaran (*learning loss*), terutama dalam kalangan pelajar miskin bandar dan luar bandar.

Selain itu, COVID-19 juga telah mengakibatkan penutupan sekolah selama lebih 40 minggu (2020–2021) yang menyebabkan pelajar ketinggalan dalam subjek teras seperti Matematik dan Sains. Kajian yang dilakukan oleh Bank Dunia (2022) menganggarkan pelajar Malaysia kehilangan setara 9–11 bulan pembelajaran akibat COVID-19. Manakala, prestasi keputusan SPM 2021 menunjukkan penurunan gred purata bagi subjek STEM berbanding tahun

sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa COVID-19 telah mengurangkan kualiti pembelajaran pelajar di seluruh dunia khususnya di Malaysia. Tambahan pula, COVID-19 memberi kesan kepada kesihatan mental pelajar dan guru. Ini disebabkan oleh tekanan daripada isolasi sosial, bebanan tugas dalam talian, dan ketidakpastian dalam urusan kerja telah menjejaskan kesejahteraan psikologi pelajar dan guru. Tinjauan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2021) melaporkan 68% pelajar sekolah menengah mengalami gejala tekanan sederhana hingga teruk.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga kesan yang positif rentetan daripada pandemik COVID-19 di mana terdapat pecutan transformasi digital dikalangan masyarakat dunia. COVID-19 memaksa sistem pendidikan Malaysia menggunakan teknologi dalam skala besar. Platform seperti DELIMA (Digital Educational Learning Initiative Malaysia) dilancarkan oleh KPM untuk menyokong pembelajaran dalam talian. Manakala penggunaan aplikasi seperti Zoom, Microsoft Teams, dan Quizizz telah menjadi norma baharu dalam sistem pendidikan pada masa kini. KPM (2021) melaporkan hampir 90% sekolah kini mempunyai akses kepada platform digital. Tambahan pula, pelajar dan guru mula mengamalkan pembelajaran hibrid (gabungan dalam talian dan bersemuka) yang lebih fleksibel. Pelajar boleh mengakses rakaman kuliah dan bahan pembelajaran secara ulang tayang. Selain itu, COVID-19 telah meningkatkan literasi digital. Pelajar dan guru kini lebih mahir menggunakan teknologi, seperti mengendalikan perisian persembahan, video interaktif, dan penilaian dalam talian. KPM telah melatih lebih dari 500,000 guru dalam kemahiran digital melalui program Pembelajaran Profesional Berterusan (2020–2022).

Dari sudut kurikulum, COVID-19 telah meningkatkan inovasi kurikulum iaitu dengan menekankan kemahiran seperti kreativiti, kolaborasi, dan penyelesaian masalah. Sebagai contoh, projek berasaskan komuniti iaitu dengan memberi inisiatif bantuan kepada keluarga terjejas yang disebabkan oleh pandemik) diintegrasikan dalam PdP. Oleh yang demikian, COVID-19 memberi nafas baru kepada sistem pendidikan di Malaysia.

Peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Ketika dan Selepas Pandemik COVID-19

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembangunan individu secara holistik telah menjadi asas penting dalam menilai kesan pandemik COVID-19 terhadap sistem pendidikan Malaysia. Kajian oleh Mohammad et al. (2021) menunjukkan bahawa krisis kesihatan global ini menguji keupayaan FPK untuk mengekalkan keseimbangan antara perkembangan intelek, emosi, rohani, dan jasmani pelajar dalam persekitaran pembelajaran hibrid. Pandemik COVID-19 memaksa peralihan kepada pembelajaran dalam talian/hibrid, yang mengurangkan interaksi sosial dan aktiviti fizikal. Sebagai contoh, aktiviti kokurikulum (aspek jasmani) terjejas, sementara tekanan mental pelajar meningkat akibat pengasingan sosial. Mohammad et al. (2021) mendapati guru perlu kreatif dalam merangka aktiviti dalam talian yang merangsang keempat-empat aspek JERI. Misalnya, penggunaan video pendek untuk refleksi rohani atau kuiz interaktif untuk perkembangan kognitif. Oleh yang demikian, pelaksanaan yang telah digunapakai oleh FPK adalah dengan menadaptasi dengan model hibrid yang mengekalkan keseimbangan JERI, seperti integrasi modul kesedaran mental dalam PdP (Pengajaran dan Pembelajaran).

Pandemik COVID-19 mendedahkan jurang akses pendidikan antara pelajar bandar dan luar bandar, mencabar prinsip ekuiti yang dipegang oleh FPK. Menurut Lee dan Tan (2020),

ketidaksamarataan infrastruktur digital memperlihatkan keperluan untuk mengadaptasi FPK secara dinamik demi memastikan tiada pelajar tercicir. Lee & Tan (2020) melaporkan 37% pelajar luar bandar tidak mempunyai peranti atau internet stabil, berbanding hanya 12% di kawasan bandar. Ini bercanggah dengan aspirasi FPK untuk "pendidikan untuk semua". Pelajar di pedalaman Sabah/Sarawak terpaksa belajar melalui radio pendidikan kerana tiada memiliki akses kepada internet. Penulis ini mencadangkan agar perlu ada kerjasama kerajaan-swasta (PPP) untuk menyediakan infrastruktur digital di kawasan miskin, selari dengan prinsip ekuiti FPK. Justeru, FPK perlu diperkukuh lagi dengan dasar seperti "*Digital Education Blueprint*" untuk menjamin akses saksama ke platform pembelajaran digital.

Peranan guru sebagai pemudah cara (*facilitator*) yang digariskan dalam FPK semakin kritikal semasa pandemik, terutamanya dalam menggalakkan pembelajaran sendiri (*self-directed learning*). Hasil kajian Nurul et al. (2022) menyokong pendekatan ini dengan menunjukkan peningkatan motivasi pelajar apabila guru menggabungkan teknologi dengan pedagogi berteraskan nilai murni FPK. Pada situasi itu, guru terpaksa menggunakan teknologi (seperti *Google Classroom*, *Zoom*) untuk menggalakkan pembelajaran sendiri. Guru menggunakan gamifikasi (permainan edukasi) untuk meningkatkan motivasi pelajar. Nurul et al. (2022) mendapati guru yang menggabungkan nilai FPK dengan teknologi berjaya meningkatkan keterlibatan pelajar sebanyak 40%. Rentetan itu, setaip guru perlu diberikan latihan dalam pedagogi digital dan pengurusan emosi pelajar yang lebih tuntas bagi memenuhi tuntutan FPK.

FPK menekankan pembentukan warganegara berdaya saing, namun pandemik telah merungkaikan definisi 'daya saing' yang merangkumi kemahiran adaptasi dan literasi digital. Menurut laporan UNESCO (2021), sistem pendidikan perlu menyepadukan elemen FPK dengan kemahiran abad ke-21 bagi memenuhi tuntutan pasca-pandemik iaitu dengan menekankan keperluan kemahiran seperti literasi digital, kreativiti, dan adaptasi, yang kurang ditekankan dalam kurikulum tradisional. Pelajar perlu didedahkan untuk mempelajari menggunakan AI atau alat analisis data untuk bersaing di pasaran kerja pasca-COVID. Oleh itu, FPK perlu dikemas kini untuk menyepadukan kemahiran digital dengan nilai tempatan (seperti semangat komuniti) bagi melahirkan graduan yang seimbang.

Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2020) mengakui bahawa pandemik mempercepat transformasi pendidikan selaras dengan FPK, terutamanya dalam memperkukuh pendidikan nilai melalui platform digital di mana PdPR (Pembelajaran di Rumah) mempercepat penggunaan platform digital seperti DELIMa. Adaptasi guru menggunakan TikTok untuk menyampaikan mesej moral atau patriotik (selari dengan FPK) sangat memberi kesan positif kepada nilai-nilai yang bai kepada pelajar. Laporan KPM (2020) menunjukkan 65% sekolah berjaya menerapkan nilai murni FPK melalui aktiviti dalam talian, seperti projek khidmat masyarakat maya. Justeru, pendidikan dari sudut nilai murni perlu diteruskan melalui pendekatan hibrid, seperti penggunaan VR (*Virtual Reality*) untuk simulasi nilai empati agar mesej yang baik dapat diserap masuk dalam diri individu sekaligus melahirkan pelajar yang berintegriti.

Metodologi

Dalam kertas konseptual ini, kajian perpustakaan digunakan untuk membincangkan peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam pembentukan akhlak pelajar di Malaysia. Kajian ini merujuk kajian lepas bermula dari tahun 2017 hingga 2024.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah mengtransformasikan sistem pendidikan Malaysia dengan menguji ketahanan dan relevansi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam konteks kecemasan global. Kajian ini mendedahkan bahawa prinsip holistik FPK yang menekankan keseimbangan jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) berfungsi sebagai kerangka kritikal dalam menangani cabaran pandemik. Walaupun krisis ini mendedahkan jurang digital yang ketara (pelajar luar bandar tiada akses stabil kepada PdPR) dan kesan pembelajaran yang hilang (setara FPK menjadi panduan utama dalam mengekalkan ekuiti pendidikan dan pembangunan insan seimbang. Inisiatif seperti DELIMa, latihan literasi digital untuk sejumlah besar guru, dan integrasi projek komuniti maya menunjukkan keupayaan FPK untuk beradaptasi dengan norma baharu. Di sebalik cabaran, pandemik mempercepatkan inovasi yang selari dengan aspirasi FPK. Transformasi digital, pembelajaran hibrid, dan penekanan terhadap kemahiran abad ke-21 (kreativiti, kolaborasi) membuktikan bahawa FPK bukan sekadar dokumen idealistik, tetapi kerangka dinamik yang mampu menyepadukan nilai tempatan dengan tuntutan global. Guru, sebagai pelaksana utama FPK, berjaya meningkatkan keterlibatan pelajar meskipun memerlukan sokongan berterusan dari segi latihan digital dan sokongan psikososial. Bagi memastikan keberkesanan FPK dalam era pasca-pandemik, kajian ini mencadangkan empat strategi utama iaitu pemerkasaan infrastruktur digital, pendidikan nilai melalui teknologi, kurikulum dinamis, dan sokongan holistik. Selain itu, kejayaan FPK bergantung kepada kolaborasi pelbagai pihak iaitu dari sudut perancangan dasar hingga komuniti tempatan bagi memastikan pendidikan tidak hanya memenuhi keperluan akademik, tetapi juga membentuk insan berintegriti dan resilien. Dengan komitmen kolektif, FPK berpotensi bukan sahaja memulihkan sistem pendidikan Malaysia pasca-COVID, tetapi juga mentransformasikannya menjadi model pendidikan global yang mampan dan beretika.

Rujukan

- Aziz, A. A., et al. (2022). Adaptasi FPK dalam Pendidikan Krisis: Kajian Kes Pandemik COVID-19. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 10(1), 78-95.
- Bank Dunia. (2022). *The State of Global Learning Poverty*.
- Hussin, H., et al. (2023). Kesejahteraan Psikologi Pelajar Pasca-Pandemik: Implikasi terhadap Dasar Pendidikan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 17(3), 112-130.
- Jamil, M. R., et al. (2022). "Transformasi Pendidikan Pasca-COVID: Peranan FPK dalam Pembangunan Modal Insan". *Jurnal Falsafah Negara*, 8(2), 33-50.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2021). *Laporan Pelaksanaan PdPR*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Laporan Pelaksanaan PdPR dan Keselarasan FPK*. Putrajaya: Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025*.
- KPM. (2021). *Laporan Pelaksanaan PdPR*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan Kesihatan Mental Pelajar (2021). Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Lee, K. Y., & Tan, C. L. (2020). Digital Divide and Educational Equity: Lessons from Malaysia's COVID-19 Experience. *Asian Journal of Education and Technology*, 8(3), 45-60.
- Mohammad, A., Ismail, N., & Ahmad, Z. (2021). National Education Philosophy in Crisis: Adapting Holistic Learning During COVID-19. *Journal of Malaysian Educational Studies*, 45(2), 112-129.
- Nurul, F. H., Aziz, A. A., & Yusoff, S. (2022). Teacher Resilience and FPK-Based Pedagogy During Remote Learning. *Malaysian Journal of Educational Research*, 34(1), 78-95.

- Rasid, N. S. M., et al. (2021). "Cabaran Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik: Perspektif Guru dan Pelajar". Jurnal Pendidikan Malaysia, 46(2), 45-60.
- UNESCO. (2021). COVID-19 Impact on Education. <https://en.unesco.org/covid19/educationresponse>
- UNESCO. (2021). Reimagining Education Post-COVID-19: A Global Framework. UNESCO Education Policy Review, 7(4), 15-32.
- UNICEF Malaysia. (2021).